

17 MAY 2000

Rafidah-Hutang

HUTANG DIBERITAHU OLEH PEMILIK PWTC, KATA RAFIDAH

PUTRAJAYA, 17 Mei (Bernama) -- Ketua Pergerakan Wanita Umno Datuk Seri Rafidah Aziz hari ini berkata hutang Pergerakan Wanita dengan pengurusan Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Putrade Property Management Sdn Bhd (Putrade) sebanyak RM1.3 juta diberitahu kepada beliau oleh Tan Sri Rashid Hussain.

"Saya sendiri tidak tahu, yang memberitahu pada saya ialah Tan Sri Rashid Hussain, pemilik Putrade, jadi bila diberitahu saya terkejutlah, maka kena tanyalah beliau sendiri," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita sebagai mengulas kenyataan bekas ketua pergerakan itu Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman hari ini yang mendakwa beliau tidak meninggalkan sebarang hutang semasa menerajui Wanita Umno sebelum ini.

Rafidah yang juga Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri sebelum itu mengetuai anggota Exco Wanita Umno menemui Perdana Menteri yang juga Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pejabatnya di sini.

Berkenaan hutang dengan MARDI, Rafidah berkata beliau diberitahu mengenai perkara itu oleh Pengerusi Biro Pembangunan Usahawan pergerakan Raja Ropiah Abdullah.

"Saya tak tahulah, tapi mengikut Raja Ropiah dua tahun setengah tak bayar, dua tahun setengah tertangguh," katanya.

Rafidah berkata kesemua isu hutang itu dimaklumkan kepada beliau sebaik sahaja beliau memenangi pemilihan sebagai Ketua Wanita dalam perhimpunan agung parti minggu lalu.

"Saya sendiri cakap dengan PM (Perdana Menteri) saya tidak mengetahui perkara itu, tapi inilah kata Tan Sri Rashid Hussain, inilah kata orang PWTC dan kenalah kita selesai dengan (Menteri Kewangan) Tun Daim (Zainuddin) dan PWTC," katanya.

Zaharah yang juga Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat hari ini berkata beliau telah melangsaikan semua hutang yang ada pada 9 dan 10 Mei sebelum beliau melepaskan jawatannya sebagai ketua pergerakan.

Menurutnya jika masih ada hutang Wanita Umno, kemungkinan ia berkaitan dengan hutang yang ditinggalkan semasa Rafidah memimpin pergerakan itu sehingga 1996.

Sementara itu ketika ditanya mengenai pertemuan dengan Perdana Menteri hari ini, Rafidah berkata antara perkara yang dibincangkan termasuk memohon agar peruntukan kepada pergerakan itu diberikan segera bagi membolehkan Wanita Umno menjalankan kegiatannya.

Rafidah juga menyifatkan pertemuan itu berjaya menyuntik satu semangat baru kepada anggota exco pergerakan untuk berkerja dengan pemimpin di akar umbi.

-- BERNAMA

NM LAT